

# Waris Muhammad Hafiz terima pencen PERKESO

Keluarga dapat RM1,894.75 bermula bulan depan

Oleh Zuhairy Zulkifli  
bhnews@bh.com.my

**Sungai Petani:** Waris kepada penghantar makanan nahas pesawat di Elmhina, Shah Alam, Allahyarham Muhammad Hafiz Muhammad Salleh, akan menerima dua bayaran pencen bulanan (PERKESO) RM1,894.75 bermula bulan depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata bayaran bermula dari tarikh Muhammad Hafiz meninggal dunia dalam tragedi itu pada 17 Ogos lalu.

Katanya, keluarga Allahyarham Muhammad Hafiz menerima pencen itu menerusi dua peruntukan Akta Perlindungan Sosial.



Mohammed Azman menyampaikan Faedah Pengurusan Mayat RM2,000 kepada Muhammad Salleh di Sungai Petani, semalam. (Foto Zuhairy Zulkifli/BH)

“Kali terakhir rekod caruman arwah menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerja (Akta 4) ketika berkhidmat di syarikat logistik dengan kali terakhir caruman pada Jun 2021, manakala kedua melalui Akta 789 sejak 10 Mei 2021 di bawah inisiatif kerajaan.

“Mangsa meninggal ketika dia mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang melayakkan warisannya menerima faedah RM1,116.

“Namun, semakan PERKESO mendapati, beliau turut memiliki kelayakan Pencen Penakat



RM778.75 dengan rekod caruman terakhir pada Jun 2021 ketika berkhidmat di syarikat logistik,” katanya ketika menziarahi keluarga Allahyarham Muhammad Hafiz di rumah mereka di Taman Sidam Kiri dan menyampaikan Faedah Pengurusan Mayat (FPMD) bernilai RM2,000, di sini, semalam.

Mohammed Azman berkata, bayaran RM1,894.75 itu akan diterima bapa dan ibu arwah, iaitu Muhammad Salleh Othman, 57, serta Jamilah Ismail, 58, dan adiknya, Muhammad Hamidi, 20.